

Sana bola, sini bola



DUNIA
BAHARU 2022
DR BUDIMAN MOHD ZOHDİ

Masih ingat iklan 'makan bola, tidur bola' yang cukup popular kira-kira suku abad dahulu? Begitu berkesan iklan tersebut.

Walaupun matlamatnya mempromosi jenama sejenis minuman ringan, namun rangkuman impaknya secara menyeluruh menunjukkan betapa besarnya pengaruh sukan bola sepak ke atas kehidupan manusia.

Diktiraf sebagai sukan nombor satu dunia, bola sepak mempunyai pemain dan peminatnya di mana-mana sahaja di muka bumi ini. Nun, jauh di Kutub Utara, ada anak-anak Eskimo bermain bola di atas air batu. Begitu juga di perkampungan kecil di tengah-tengah Sahara, ada anak-anak muda yang tidak menghiraukan bahang matahari mengejar bola di atas hamparan pasir.

Di kampung-kampung pedalaman, di kawasan miskin di tengah-tengah bandar, anak-anak yang tidak mampu membeli bola sebenar akan berkongsi membeli bola plastik, atau setidak-tidaknya menggunakan gumpalan kertas sebagai bola.

Yang penting, ada benda untuk disepak.

Minat manusia terhadap sukan ini bukan baharu. Rekod menunjukkan ia dimainkan sejak lebih 2,000 tahun dahulu di China, Greek, Rom dan beberapa bahagian di Amerika Tengah. Tidak ada rekod tentang cara permainan pada masa itu. Mungkin sekadar sepak ikut suka hati. Bukan juga pelik kalau bola pertama yang digunakan adalah tengkorak musuh, atau kepala kawan yang dikhianati. Jangan hairan, orang dulu-dulu pun bijak dalam soal khianat-mengkhianati.

Pun begitu, kegilaan terhadap sukan ini hanya timbul selepas 'terciptanya' bola sepak moden pada tahun 1863 di England, di mana permainan yang ditambah baik dari semasa ke semasa itu diperkemas dengan peraturan-peraturan lebih jelas dan munasabah.

Saya tidaklah bermaksud hendak berkhutbah tentang sejarah bola sepak. Saya tahu orang kita bukan minat sangat pada sejarah sebab itu kita jarang belajar apa-apa daripadanya. Yang saya hendak tekankan di sini adalah tentang minat manusia terhadap bola sepak.

Tiga empat dekad lalu, ramai bijak pandai meramalkan sebahagian besar aktiviti hidup manusia akan terkesan, malah berkemungkinan pupus gara-gara diasak kemajuan teknologi. Ramalan itu terbukti tepat. Kita menyaksikan sendiri bagaimana satu demi satu cara hidup kita diubah oleh kemajuan. Tetapi tidak begi-

tu dengan minat manusia terhadap sukan bola sepak. Apa juga kemajuan yang datang ternyata tidak mengurangkan sedikit pun minat orang terhadapnya. Malah berdasarkan saiz stadium-stadium baharu yang dibina, ternyata jumlah peminat itu terus bertambah.

Berpanas, berhujan, berasak, bersebak untuk menonton di stadium tidak menjadi masalah. Melangut di depan skrin besar di kedai kopi, atau mendengar leteran isteri sebab menghadap televisyen sehingga dinihari, bukan persoalan. Semuanya rela dilakukan demi minat mendalam. Kerana minat jugalah, tahun lepas, seramai 132 orang terbunuh dalam rusuhan peminat bola sepak di sebuah stadium di Malang, Jawa Timur. Bukan pertama, banyak lagi kes-kes lain seumpamanya termasuk yang terjadi di Estadio Nacional, di Lima, Peru pada 1964 di mana 328 mati dan lebih 500 cedera.

Begitulah hebatnya minat manusia terhadap sukan tersebut. Minat itu tidak mengenal usia, bukan sekadar sukan untuk orang muda. Ramai yang usianya, jika mengikut logik, hanya beberapa jengkal dari alam yang satu lagi, masih menjadi peminat tegar. Malah yang masih mahu bermain bola pada usia empat lima siri pun ada. Kazuyoshi Miura, seorang pemain bola sepak profesional Jepun masih beraksi sehingga sekarang dengan kelab Suzuka Point Getters (dipinjamkan

dari Kelab Yokohama FC). Usianya? Tujuh tahun lagi memasuki enam siri.

Persoalannya, kenapa bola sepak begitu digilai? Apa istimewanya?

Ada banyak pendapat mengenainya, tetapi kesemuanya bersifat hipotesis. Tidak ada yang pasti dan mutlak. Ada berkata, sifat permainannya yang pantas menjadikan ia tidak membosankan, sama ada untuk bermain atau menonton. Tetapi pingpong dan bola keranjang pun pantas juga gerak permainannya, kenapa ia tidak digilai seperti bola sepak?

Pendapat lain mengatakan bola sepak diminati sebab permainannya mudah difahami. Betul, kalau dibandingkan dengan ragbi, jauh lebih mudah. Tetapi dengan sepak takraw rasanya ia lebih susah. Dalam sepak takraw tidak ada 'curi ayam' (offside), tidak ada penalti, tidak ada cah keting dan sebagainya.

Jadi kenapa minat orang terhadapnya tidak sama dengan minat mereka terhadap bola sepak? Saya pun tidak tahu.

Saya juga tidak tahu pasukan bola sepak Malaysia sekarang ini berada pada kedudukan ke berapa dalam ranking FIFA. Kali terakhir saya semak pada kedudukan 146. Selepas itu saya tidak berani menyemaknya semula. Takut ranking itu jatuh lebih ke bawah dan saya pula jatuh pengsan...#dush!

** Datuk Dr Budiman Mohd Zohdi pernah berkhidmat sebagai seorang setiausaha politik dan juga bekas wakil rakyat.*

Biarkan pemimpin urus negara



MAAF
CAKAP
NORDEN MOHAMED

Akhirnya, setelah kita melalui ribut dan taufan PRU15, kita merasai pula riak dan kocak pembentukan tampuk pimpinan negara. Ada *intrig* dan *suspens* yang berlaku, tetapi akhirnya Kerajaan Perpaduan yang dicadangkan oleh Yang di-Pertuan Agong telah terbentuk dengan upacara mengangkat sumpah Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Majlis Raja-Raja turut menerima formula ini dan Perdana Menteri telah mengumumkan barisan kabinetnya pada Jumaat, 2 Disember diikuti dengan upacara mengangkat sumpah anggota kabinet pada keesokan harinya. Selang sehari iaitu pada Isnin 5 Disember, mesyuarat pertama Kabinet Kerajaan Perpaduan telah diadakan.

Pertanian, khususnya pesawah menjadi perhatian kabinet. Kelangsungan hidup mereka menjadi tumpuan di mana bantuan RM10 juta diperuntukkan pada

tahun ini dan RM50 juta lagi pada tahun hadapan. Monopoli beras dikaji untuk dihapuskan. Penurunan harga telur juga telah diumumkan untuk kepentingan petani dan rakyat.

Selain itu, hal judi, banjir, sentimen perkauman, pelanggaran hukum termasuk pengurangan gaji menteri sebanyak 20 peratus telah diumumkan.

Pastinya mesyuarat kabinet yang pertama itu merupakan mesyuarat penyesuaian. Di mana tempat duduk seseorang menteri, sapa menyapa dengan para pegawai kerajaan yang menyediakan maklumat diperlukan menteri merupakan hal-hal kecil perlu diketahui seseorang menteri yang memulakan tugas.

Wisel penamat PRU15 telah lama berbunyi. Yang menang menurut formula congakan telah membentuk kerajaan. 21 juta pemilih telah turun mengundi pada PRU15. Kita sebagai insan hanya menjalankan tanggungjawab memangkah. Undi kita hanya satu; umpama debu. Tetapi ALLAH Al-Hakim yang mengangkat mereka jadi pemimpin.

Sama ada suka atau tidak, terima atau sebaliknya, kita kena akur dengan pilihan ALLAH SWT. Dia Maha Bijaksana dalam mengurus segala. Anwar yang diluconkan sebagai *PM In-Waiting* akhirnya dilantik menjadi pemimpin kita.

Beliau ditakdirkan menjadi Perdana Menteri untuk berdepan dengan keadaan negara dan dunia yang mencabar ini. Anwar mesti pikul tanggungjawab ini sebab beliau sendiri yang umumkan hasratnya menjadi Perdana Menteri.

Betapa tidak senangnya kita kepada barisan kabinet ini, kita kena ingat ada berjuta pemilih yang telah mengundi mereka. Istilahnya, kita kena *move on*, jalan terus. Dalam suasana yang mencabar ini kita kena terima pilihan orang lain.

Walau betapa tidak setuju, umpama kita yang sedang terkapai-kapai dibawa arus; bila ada seseorang yang muncul ingin menyelamatkan, logiklah jika kita bertanya tentang baik, buruk orang itu sebelum membenarkan dia menyelamatkan kita?

Perdana Menteri dan barisan kabinetnya seperti duduk di rumah kaca. Semua orang boleh nampak apa yang mereka lakukan. Ada sahaja kamera yang merakam setiap langkah mereka. Silap cakap atau salah bertindak boleh memakan diri kerana masyarakat pada hari ini bukan sahaja mudah mentafsir dan menelaah, malah senang-senang boleh menghukum mereka. Di luar padang ada ramai lagi para pemimpin di pihak yang satu lagi sentiasa memantau, memerhati dan mengkritik mereka. Kita kritikan yang betul

tetapi diamkan sahaja andainya kita tidak setuju. Mereka menjalankan tugas murni sebagai pembangkang.

Kita kenalah fahami bahasa orang politik yang bombastik dengan gaya menggenggam penumbuk terjulang ke udara. Mereka juga mahu kekalkan momentum dan kehadiran mereka kerana ada beberapa pilihan raya negeri yang bakal berlangsung tidak lama lagi.

Bila tiba masa dan dibolehkan mengundi, kita turun lagi mengundi memilih kerajaan negeri pula. Setelah itu, kita biarkan mereka yang memang mengurus negara. Jika kita cintakan negara kita, para pemimpin juga cintakan negara ini.

Mengurus masa depan negara adalah sesuatu yang serius bagi para pemimpin. Ia memerlukan mereka memerah fikiran, bercakap dan bertindak sedangkan kita hanya bercakap sahaja. Bagi orang politik, kritik mengkritik membawa bahagia. Bagi kita, salah kritik boleh hilang kawan dan saudara!

Justeru, biarkan mereka mengurus negara. Kita ini tidak layak. Sebab itu kita tidak terpilih. Lagi pula kita sendiri tidak memilih untuk jadi pemimpin negara.

** Norden Mohamed ialah mantan Ketua Pengarang Sinar Harian*